

'BN tak boleh cepat selesa'

Sepuluh kerusi Dewan Undangan Negeri dimenangi dengan majoriti tipis

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

Barisan Nasional (BN) belum boleh selesa walaupun menang besar pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka, Sabtu lalu apabila separuh kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dimenangi dengan majoriti tipis.

Keputusan pilihan raya itu menyaksikan 11 daripada 21 kerusi DUN dimenangi BN, hanya mencatat majoriti di bawah 1,000 un-

di, empat daripadanya mencatat majoriti di bawah 500 undi.

Ia termasuk kerusi dimenangi Pengerusi BN Melaka, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh di DUN Tanjung Bidara dengan majoriti 364 undi, jauh lebih kecil diperolehi BN pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) iaitu 2,864 undi.

Malah, dua kerusi dimenangi BN sekadar meraih majoriti antara 100 hingga 200 undi, iaitu di DUN Pengkalan Batu (131) dan Duyong (200), selain satu kerusi mendapat majoriti di bawah 100 undi iaitu Serkam (79).

Selain itu, majoriti di empat kerusi yang berjaya dipertahankan BN pada PRN kali ini pula mencatatkan penurunan berbanding pada PRU-14, iaitu DUN Tanjung Bidara, Ayer Limau, Serkam dan Sungai Rambai.

Namun, BN dilihat boleh mendabik dada di sekurang-kurangnya dua kerusi yang bukan saja

mencatat pertambahan majoriti, malah jumlah undi diterima turut meningkat walaupun pertusan keluar mengundi PRN Melaka jatuh mendadak berbanding PRU-14.

Dua kerusi itu, DUN Lendu yang disandang Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Sulaiman Md Ali dan DUN Merlimau, yang dimenangi Naib Ketua Pemuda UMNO Melaka, Dr Muhammad Akmal Saleh.

Penganalisis politik Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani, berkata kemunculan Perikatan Nasional (PN) pada PRN Melaka dilihat memberi saingan sengit kepada BN, khususnya di kerusi majoriti Melayu.

Katanya, kejayaan PN menang di dua kerusi iaitu DUN Sungai Udang dan Bemban juga di luar jangkaan, sekali gus menunjukkan parti berkenaan berpotensi

menyeimbangi kekuatan BN dan Pakatan Harapan (PH) sama ada di Melaka atau di negeri lain.

"PN juga semakin kuat dan mencipta kejutan apabila menang di Sungai Udang atas faktor undi tentera dan Bemban disebabkan calon Melayu, selain calon PAS mewakili PN hampir menang di Serkam.

"Berdasarkan PRN kali ini, PN boleh memberi ancaman dan menyeimbangi kekuatan BN serta PH dan mereka (PN) hanya perlukan masa meyakinkan pengundi untuk menyokong, khususnya pengundi atas pagar," katanya.

Mohd Azizuddin berkata, kemenangan BN banyak bergantung kepada pengundi tempatan dengan kecekapan jentera parti itu membolehkan hampir semua penyokong tegar mereka keluar mengundi.

"Kemenangan BN juga adalah kerana jumlah keluar mengundi

Kejayaan PN menang di dua kerusi iaitu DUN Sungai Udang dan Bemban juga di luar jangkaan, sekali gus menunjukkan parti berkenaan berpotensi menyeimbangi kekuatan BN dan Pakatan Harapan (PH) sama ada di Melaka atau di negeri lain



Mohd Azizuddin Mohd Sani,
Penganalisis politik UUM

yang merosot sekitar 20 peratus, berbanding ketika PRU-14 dan situasi tergantung mungkin berlaku jika jumlah keluar mengundi mencecah 75 peratus," katanya.